

DI-TERBITKAN

DUA KALI

SA-BULAN

PELITA BRUNEI

AKHBAR RASMI

KERAJAAN

NEGERI BRUNEI

PADA HARI RABU PERTAMA DAN KETIGA

TAHUN 5. BIL. 5

BANDAR BRUNEI, RABU, 2 MARCH, 1960 (4 Ramadan, 1379)

PERCHUMA

HUKUMAN DENDA JIKA TIDAK PUASA

BANDAR BRUNEI — Orang2 Islam yang akal baligh akan di-hukum jika di-dapati tidak berpuasa dalam bulan Ramadan ini.

Ketua Pejabat Ugama Negeri Brunei Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha mengingatkan orang2 Islam bahawa hukuman itu di-tetapkan dalam Undang2 Majlis Ugama.

Barang siapa pada siang hari di-dalam bulan puasa makan di-tempat ramai atau di-tempat2 lain yang boleh nampak oleh orang akan bersalah.

Orang2 yang menjual makanan kepada orang2 Islam pada siang hari akan bersalah juga mengikut undang2 tersebut.

Orang2 yang melanggar undang2 itu akan di-denda \$50. Bagi kesalahan yang kedua \$75 dan kesalahan yang ketiga \$100.

Dalam satu siaran ketua pejabat ugama itu berkata bahawa mereka yang uzor dan tidak boleh berpuasa hendaklah menjauhkan diri daripada makan dan minum pada siang hari di-hadapan orang ramai.

Ini ia-lah langkah untuk memelihara meruah ugama Islam.

Tarikh memegang puasa telah

Perintah atas bahasa rasmi

BANDAR BRUNEI — Langkahan yang tegas untuk melaksanakan syarat2 dalam perlembagaan Negeri Brunei mengenai bahasa rasmi ia-itu bahasa Melayu telah di-ambil oleh Kerajaan.

Ketua2 pejabat telah di-perintah supaya menggunakan bahasa Melayu dalam surat2 dan minit.

Papan2 pemberitahuan dan papan2 nama pejabat mesti-lah ditulis dalam bahasa Melayu dan pegawai2 mesti-lah menggunakan gelaran mereka dalam bahasa Melayu.

Dalam satu surat keliling, Setia Usaha Kerajaan, Inche Wan Ahmad, meminta ketua2 pejabat menghantarkan kepada-nya salinan2 semua borang, buku2 resit dan lain2 surat yang di-chetak dan di-gunakan.

Borang2 dan surat2 itu akan di-terjemahkan ka-dalam bahasa Melayu.

di-tetapkan pada 28 February oleh Yang di-Pertua Majlis Ugama, Adat Istiadat dan Mahkamah Kadhi Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar.

Satu rombongan pegawai2 ugama yang telah keluar melihat

bulan pada petang 26 February telah balek menyatakan bahawa anak bulan tidak kelihatan pada petang itu.

Pengiran Shahbandar telah mengumumkan terlebih dahulu bahawa permulaan berpuasa akan jatuh pada hari Ahad, 28 February jika anak bulan tidak nampak pada petang 26 February tersebut.

Dalam bulan puasa ini, orang2 Islam akan di-beri tahu masa bersungkal.

Tembakan meriam akan kedengaran pada sa'at yang tertentu sa-bagai isharat untuk membuka puasa.

GURU2 MELAYU RA'IKAN BEKAS GURU MAKTAB LATEHAN GURU

BANDAR BRUNEI — Guru2 Melayu Brunei yang terdiri dari murid2 tua maktab Sultan Idris Training College, Tanjong Malim baharu2 ini mengadakan satu majlis kerana mera'ikan sa-orang bekas guru mereka, Inche Harun bin Mohamed Amin.

Inche Harun telah berkunjung ka-Brunei bagi kali pertama-nya sa-bagai sa-orang tokoh kebudayaan dan politik Singapura setelah meninggalkan Brunei 14 tahun dahulu sa-lepas berkhidmat sa-bagai pengelola pelajaran Melayu negeri ini.


Beliau telah di-undang ka-Brunei oleh Party Ra'ayat Brunei untuk menghadiri kongres ke-3 party tersebut.

Dalam ucapan-nya Inche Harun telah menyeru guru2 mendi-

dek murid2 supaya menjadi orang2 yang berguna kepada negara dan bangsa.

"Usaha dalam pendidikan mesti-lah mempunyai dasar pendidikan kebangsaan yang tulin supaya nanti anak2 kita mempunyai jiwa besar dan boleh berdiri di-atas kaki-nya sendiri," kata Inche Harun.

Majlis itu telah di-uruskan oleh Inche Hussin bin Mohamed Yusof dan telah di-adakan di-dewan sekolah Melayu R.I.F. di-sini.



Mesjid Omar Ali Saifuddin di-Bandar Brunei ia-lah tempat tumpuan orang2 Islam beribadat. Dalam bulan puasa ini mereka tidak putus2 datang mengaji siang dan malam di-mesjid itu.

Ahli Dewan Ra'ayat mengadap D.Y.M.M.

BANDAR BRUNEI — Duli Yang Maha Mulia telah menerima kedatangan dua orang tokoh politik Malaya, Inche Ahmad Boestamam dan Inche Harun Amin Rashid mengadap baginda di-Istana Darul Hana dalam minggu lepas.

Inche Boestamam, sa-orang ahli pembangkang dalam Dewan Ra'ayat Persekutuan Tanah Melayu ialah ketua umum Parti Ra'ayat Malaya dan presiden Barisan Sosialis, Persekutuan Tanah Melayu, manakala Inche Harun ia-lah ketua Parti Ra'ayat Singapura.

Tokoh2 politik itu telah berkunjung ka-Brunei kerana hadhir dalam kongres ke-3 Parti Ra'ayat Brunei yang di-langsungkan di-sini dari 19 hingga 21 February lepas.

Dalam satu kenyataan Inche Boestamam telah memuji kebijaksanaan baginda yang sentiasa mengambil berat atas pemerintahan negeri untuk kebajikan ra'ayat.

Negeri Brunei, kata beliau, sangat bertuah mendapat sa-orang Raja saperti baginda.

Penuntut2 ka-S'pura

BANDAR BRUNEI — Lima orang pemuda Brunei telah di-pilih memasoki sekolah Arab Al-Junid di-Singapura untuk melanjutkan pelajaran ugama dan Arab mereka.

Pemuda2 itu telah masuk pemeriksaan pada 13 February lepas dan telah di-uji dalam tauhid, ibadah, ilmu hisab dan Koran.

Mereka di-jadualkan berlepas ka-Singapura dalam bulan April hadapan dengan syarat mendapat akuan kesihatan daripada doktor.

Sharikat Shell tawarkan 50 dermasiswa

SERIA. — Sharikat2 minyak Shell di-ketiga kawasan Borneo British telah menawarkan 50 dermasiswa bagi tahun ini kepada penuntut2 di-ketiga kawasan tersebut untuk meninggikan pelajaran mereka.

Tujuh belas orang daripada penuntut2 yang mendapat dermasiswa itu ia-lah penuntut2 Brunei. Bantuan itu akan di-beri sehingga mereka memasuki peperiksaan Senior Cambridge.

Sa-lain dari dermasiswa bagi tahun ini sharikat2 itu telah juga melanjutkan dermasiswa yang di-luluskan dalam tahun 1959 kepada 19 orang penuntut2 Brunei untuk memasuki peperiksaan Senior Cambridge.

Dalam satu siaran sharikat minyak Shell berkata bahawa dermasiswa itu berharga \$67,000 semuanyanya.

Penuntut2 yang mendapat dermasiswa itu telah di-chadangkan oleh pejabat pelajaran negeri masing2.

Tujuan memberi dermasiswa itu ia-lah kerana hendak memberi peluang kepada penuntut2 yang berbakat sama ada laki2 atau perempuan mendapat pelajaran

tawarkan dermasiswa bagi tahun ini ia-lah :

Noraini binti Ahmad Md. Arshad Ali, Masni binti Awang, Thien Wee Ho, Chin Vui Kheng, Ak. Md. Zain bin Pengiran Haji Lumpoh, Yap Scok Kiat, A. Latif bin Ibrahim.

Kok Pui Wah, Lau Soo Ha, Hong Siew Yin, Ooi Hoon Chiang, Leong Cho Kwan, Tang Yee Mee, Abdul Rahman, Lim Jock Seng, Lim Daniel.

yang sa-habis tinggi yang boleh mereka dapati.

Penuntut2 Brunei yang telah di-

Dermasiswa urusan sekolah gambar kepada Melayu

BANDAR BRUNEI. — Sa-orang pemuda Melayu Brunei, Awangku Shariffudin bin Pengiran Matali akan belayar ka-United Kingdom dalam bulan hadapan kerana menuntut ilmu urusan sekolah gambar.

Beliau akan memasuki university dengan dermasiswa Kerajaan Brunei.

Awangku Shariffudin telah mendapat latehan permulaan di-sekolah Gambar Sarawak di-Kuching di-bawah Tuan Tom Harrison sa-lama tiga tahun.

Semenjak berkhidmat di-Sarawak Awangku Shariffudin telah mendapat banyak pengalaman menchari barang2 lama di-go2 batu di-Niah, Santubong dan Gunong Sirih.

Pengalaman2 itu memberi kechualian dari memasuki peperiksaan ujian masuk university.

Awangku Shariffudin mungkin mendapat latehan di-sekolah2 gambar London, Oxford dan Cambridge dan lain2 sekolah

gambar yang besar di-United Kingdom.

Sa-belum balek ka-Brunei Awangku Shariffudin akan melawat ka-Amerika untuk memerhatikan pertadbiran sekolah2 gambar di-negeri itu.

Awangku Shariffudin di-jangka akan mengetuai sekolah gambar Negeri Brunei apabila sekolah itu di-buka kelak.

SHARIKAT PENERBANGAN BIDAS TUDOHAN2 KURANG CHEKAP

BANDAR BRUNEI. — Tudoh2an bahawa perkhidmatan sharikat penerbangan Borneo Airways Ltd. itu tidak chekap telah di-bidas oleh pengerusi sharikat tersebut, Tuan D.E. Finnes.

Dalam satu kenyataan Tuan Finnes berkata bahawa satengah2 dari tudoh2an itu berpuncha bukan-nya dari kesalahan pihak sharikat.

Kechaman2 itu timbul berikutan dengan kemalangan sa-buah kapal terbang Twin Pioneer dalam bulan November lepas yang telah menyebabkan kapal terbang itu tidak boleh di-pakai sa-hingga kerja membaiki-nya selesai dalam bulan hadapan.

Tuan Finnes berkata: "Perkhidmatan sharikat itu telah di-baikkan dengan menambah dua buah kapal terbang lagi baharu2 ini."

Kapal2 terbang sharikat itu telah di-uji dan jaminan ada-lah di-beri kepada penumpang2 bahawa kapal2 terbang yang di-gunakan itu ada-lah dalam jajaan yang baik.

Ini telah di-sahkan oleh ketua pemandu sharikat pembuat kapal2 terbang tersebut.

Perkhidmatan sharikat CPA ka-Brunei

BANDAR BRUNEI. — Sharikat penerbangan, Cathay Pacific Airways, telah menggunakan lapangan terbang Berakas bagi kali pertama-nya pada 25 February.

Sa-buah kapal terbang D.C.6 telah turun di-lapangan itu membawa penumpang2 dari Hongkong ka-Kuching.

Sharikat itu dahulu-nya menggunakan lapangan terbang Labuan dalam perkhidmatan penerbangan-nya dari Hongkong ka-Borneo.

Lapangan terbang Labuan sekarang sedang di-perbesarkan.

SOAS KALAHKAN ANTHONY ABELL

KUALA BELAIT. — SOAS College, Bandar Brunei yang telah berikunjong ka-sini dalam minggu lepas telah berjaya mengalahkan Anthony Abell College dalam perlawanan bola sepak dan hockey.

Dalam perlawanan hockey pasukan SOAS telah mendapat dua gol dalam pertengahan pertama dan satu gol lagi dalam pertengahan akhir.

Keputusan perlawanan itu ia-

lah SOAS telah menang 3 gol tidak berbalas.

Dalam perlawanan bola sepak pula SOAS telah mengalahkan Anthony Abell 6 kosong.

SEKOLAH2 BRUNEI CHUTI PANJANG

BANDAR BRUNEI. — Sekolah2 Melayu dan Inggeris Kerajaan Brunei telah mula di-tutup pada 23 February yang lalu apabila murid2 dari Maktab Lathan Guru2 Melayu Brunei di-Berakas balek ka-kampung masing2 kerana berchuti panjang.

Sekolah2 lain telah di-tutup pada 25 haribulan. Satengah2 sekolah itu akan berchuti hampir 7 minggu lama-nya dan akan di-buka sa-mula beberapa hari selepas Hari Raya.

Berikutan dengan penutupan sekolah2 itu guru2 yang di-datangkan dari negeri2 luar telah balek ka-negeri masing2 dengan perbelanjaan kerajaan mengikut perjanjian perkhidmatan mereka.

Penggal pelajaran yang sa-akan2 sama antara Malaya dengan Brunei telah membolehkan penuntut2 Brunei di-Malaya balek ka-sini untuk menyambut puasa dan hari raya di-tanah ayer.

Sa-buah kapal terbang khas telah di-sewa membawa balek murid2 dan guru2 pelatex Brunei yang menuntut di-Persekutuan Tanah Melayu.

KEPUTUSAN CHABUTAN NOMBOR

BANDAR BRUNEI. — Dewan Civic Centre di-sini telah di-kunjongi oleh ramai pemuda pemudi pada malam Juma'at lepas kerana hadir dalam majlis dansa anjoran persatuan Brunei Town Amateur Football Association.

Majlis itu di-adakan kerana mendapatkan derma bantuan kepada persatuan tersebut.

Chabutan atas nombor teket2 kerana hadiah2 yang di-dermakan oleh sharikat2 perniagaan dan penggemar2 bola sepak telah di-jalankan pada malam itu.

Teket2 yang berikut telah mendapat hadiah: 63, 3, 186, 311, 203, 152, 297, 731, 6 dan 309.

Penderma2 hadiah ia-lah: Limbang Trading, Kong Guan, Inche Aw, Abdul Hamid Ismail, Ang Siang Joo, Tuan George Ah Foott, Boustead, Chop Low San, Borneo Co., Sime Darby, Chop Bee Seng, Hongkong and Shanghai Bank, Guan Hock Lee, Harrisons, Henry Waugh, Malayan Electrical dan Tan Kok Tong.

Jurutera Melayu lanjutkan pelajaran

BANDAR BRUNEI. — Sa-orang pegawai kanan dari Pejabat Kerja Raya Negeri Brunei, Inche Talib bin Derwish, telah berlepas ka-Australia dalam minggu lepas untuk meninggikan ilmu kejuruteraan-nya.

Inche Talib akan menuntut di-University of New South Wales di-Sydney selama sa-tahun kerana mendapatkan izajah M. A. (Tech).

Sa-lama di-Australia Inche Talib akan mempelajari chara2 membuat jalan yang moden dan juga pembinaan jambatan2 besar.

Inche Talib telah mendapat pelajaran ilmu kejuruteraan di-Teknikal Kolej, Malaya.

Sa-telah memasuki perkhidmatan Kerajaan Brunei beliau telah di-hantar ka-Brighton Kolej di-United Kingdom dengan dermasiswa Kerajaan.

Beliau telah menuntut selama tiga tahun di-Brighton dan telah balek ka-Brunei dalam tahun 1957.

Beliau sekarang memegang jawatan Penolong Jurutera Negeri di-Kuala Belait.

PERISTIWA LUMBA JALAN KAKI PERTAMA DI-BRUNEI

RANCHANGAN mengadakan perlumbaan jalan kaki sa-
chara besar2an telah di-langsungkan dengan jaya di-Bandar
Brunei pada 21 February yang lalu.

Perlumbaan itu di-anjorkan oleh Brunei Sports Club dan ja-
rak-nya ia-lah dari pantai Berakas sampai ka-hadapan bangunan
pejabat2 Kerajaan.

Sa-ramai 199 orang pemuda pe-
mudi dan orang tua dan budak2
sekolah telah mengambil bahagi-
an dalam perlumbaan yang sa-
jauh lebih dari 9 batu itu.

Mereka telah di-lepaskan di-
pantai Berakas mengikut geler-
an bahagian masing2 sa-telah di-
bawa ka-situ dengan kereta dari
Bandar Brunei pada pagi hari

Peserta2 dalam perlumbaan itu
di-bahagikan kepada empat ba-
hagian ia-itu Junior (bahagian
pemuda), Senior (bahagian de-
wasa), Veteran (bahagian orang
tua) dan Perempuan.

Antara 199 orang yang meng-
ambil bahagian dalam perlumba-
an itu ia-lah 12 orang perempu-
an dan beberapa orang budak2
sekolah yang kecil sa-kali ber-
umur 12½ tahun.

Semua-nya telah menamatkan
perlumbaan kechuali sa-orang
dua yang telah terchichir di-ja-
lan kerana kekurangan persedia-
an dan latehan.

Para peserta itu mengetahui
penat dan leteh yang akan di-
rasai dalam perlumbaan tetapi
oleh sebab semangat perlumbaan
kuat pada diri masing2 mereka
telah berjaya mendada peta per-
hentian di-hadapan banguna pe-
jabat2 kerajaan sa-orang lepas
sa-orang.

Mereka itu menyedari baha-
wa dalam perlumbaan kemenan-
gan tidak-lah berapa penting
dari mengambil bahagian dan
dengan sa-boleh2-nya menamat-
kan perlumbaan yang berkehen-
dakkan tenaga dan semangat
yang tinggi.

Satengah2-nya telah sampai
dengan mengah dan huyong ha-
yang ka-peta perhentian.

Perlumbaan itu telah di-saksi-
kan oleh ramai peminat2 sukan.
Mereka itu mengikut para pe-
serta di-sapanjang jalan mem-
beri galakan supaya jangan ke-
luar dari perlumbaan.

Satengah2 penggemar perlum-
baan itu pula membawa gula2
dan ayer untuk di-berikan ka-
pada peserta yang telah dahaga
dan kekurangan tenaga.

Beberapa orang pengawas te-
lah di-lantek untuk memerhati-
kan supaya sa-orang pun tidak
menchuba menjadikan perlum-
baan jalan kaki satu perlumbaan
berlari.

Mereka itu telah di-bantu oleh
pasokan2 ronda polis yang telah
datang dengan bersuka rela.

Anggota2 pasokan pertolongan
chemas turut datang untuk mem-
beri rawatan jika perlu.

Dalam perlumbaan itu kemen-
angan istimewa telah di-dapati
oleh sa-orang penuntut dari Mak-
tab Latehan Guru2 Melayu
Brunei.

Hambali bin Awang Tengah
dari bahagian Senior telah sam-
pai ka-peta dalam masa yang sa-
habis sengkak dalam perjalanan
ia-itu 1 jam 38 minit 11 sa'at.

Dalam bahagian ini Hambali
di-turuti oleh Awangku Othman
bin Pengiran Ismail dan William
Hottinger sa-orang murid dari
SOAS College.

Pujian harus di-beri kepada
Dayangku Rohani binti Pengiran
Kerma Indera dalam bahagian
perempuan.

Sungguh pun beliau tidak sam-
pai terdahulu sa-kali antara pe-
serta2 perempuan tetapi dari segi
semangat Dayangku Rohani telah
mendapat kejayaan istimewa.

Dengan kaki yang melechet dan
berdarah kerana sepatu-nya telah
tidak boleh di-pakai sa-telah
enam batu berjalan, ia telah
sampai ka-peta terkebelakang
dari Lorraine Short dan Chen
Yin Kyun.

Lorraine Short telah memen-
angi perlumbaan bahagian perempu-
an dengan masa 1 jam 50
minit 20 sa'at.

Sa-orang keluarga Short lagi,
Roland Short dari maktab SOAS
telah menambah kejayaan Lor-
raine dalam perlumbaan. Roland
telah memenangi bahagian pe-
muda dengan masa 1 jam 41 mi-
nit 29 sa'at.

Oleh sebab Roland sampai ka-
peta terdahulu dari adek-nya pa-
ra penuntut yang mengenali ke-
luarga Short itu telah memberi-
kan sorakan yang besar apabila
melihat Lorraine sampai terda-
hulu dari lain2 peserta perempu-
an.

Dalam bahagian orang tua
Pengiran Ahmad bin Pengiran
Apong yang di-jangka memen-
angi perlumbaan itu tidak meng-
hampakan harapan penyokong2-
nya.

Sungguh pun beliau tidak ting-



Pemandangan dalam perlumbaan. Satengah2 peserta telah mula terchichir di-belakang sa-telah ber-
jalan hanya sa-tengah batu sahaja dari pantai. Kiri: Sa-orang peserta di-bantu oleh penyokong2-
nya apabila hendak rebah sa-telah menamatkan perlumbaan.

gi dan yang demikian tidak pan-
jang langkah tetapi Pengiran
Ahmad telah mengalahkan peser-
ta2 tua yang lebih tinggi dan di-
anggap lebih kuat dan deras ber-
jalan.

Dalam bahagian ini Pengiran
Ahmad di-ekor oleh R.E. James
dan Douglas G. Boyd.

Pengiran Ahmad telah mena-
matkan perlumbaan itu dalam
masa 1 jam 41 minit 29 sa'at.

Hadiah2 telah di-sampaikan
oleh Yang Teramat Mulia Duli
Pengiran Pemancha.



Berehat dan melepaskan dahaga
dengan sa-mangkok teh sa-telah
berjalan sa-jauh 9 batu lebih.



Peserta2 dalam bahagian Junior berkumpul di-belakang peta sa-jurus
sa-belum di-lepaskan dalam perlumbaan. Bahagian junior di-khas-
kan untuk murid2 sekolah yang berumur kurang dari 16 tahun.



Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha menyampaikan hadiah
kapada sa-orang pemenang.



PERLEMBAGAAN NEGERI BRUNEI

SA-PENOH-NYA

Dengan keluaran ini Pelita Brunei menamatkan salinan Perlembagaan Negeri Brunei yang telah di-siarkan sa-chara berdkit2 semenjak keluaran 2 December tahun lepas.

Perlembagaan itu telah dimashhorkan pada 29 September, 1959 sa-telah di-tanda tangani oleh Duli Yang Maha Mulia di-Lapau Diraja di-sini pada hari tersebut.

Istiadat menanda tangan perlembagaan itu telah dijalankan sa-chara terbuka dan tanda tangan baginda di-saksikan oleh tidak kurang dari 14 orang pembesar negeri.

Perlembagaan yang mengandungi 12 bahagian itu berakhir dengan syarat2 untuk meminda dan mentafsir kandungan-nya :

82. (1) Bahasa rasmi negeri ialah bahasa Melayu dan hendaklah di-tulis dengan huruf yang di-tentukan oleh undang2 bertulis. (2) Dengan tidak menghiraukan cherai-an (1), bahasa Inggeris boleh digunakan bagi semua maksud rasmi sa-lama lima tahun sa-lepas di-jalankan bab ini dan demikian juga sa-lepas itu melainkan jika undang2 bertulis telah di-luluskan mengubahkan perkara ini.

(3) Bahasa Melayu ia-lah bahasa rasmi bagi menjalankan pekerjaan2 Majlis Meshuarat Diraja, Majlis Meshuarat Kerajaan dan Majlis Meshuarat Negeri :

Tetapi:—(a) Dengan izin dari ahli yang mengurusi majlis itu, mana2 ahli boleh berchakap dengan bahasa Inggeris; (b) Apabila perlu kerana menyenangkan kepada mana2 ahli Majlis Meshuarat Negeri yang tidak mengetahui bahasa Melayu, ahli tersebut boleh dengan izin dari orang yang mengurusi majlis itu, memakai juru bahasa dalam persidangan majlis tersebut, dan tiap2 juru bahasa itu hendaklah sa-belum dia memulakan kewajip-an2nya bagi pertama kali mengang-kat sumpah atau membuat penga-kuatan seperti yang tersebut dalam burang VII dalam jadual dan menanda tangan-nya di-hadapan orang yang mengurusi majlis itu.

(4) Kalau sa-suatu perkara di-kehendaki di-chetak atau di-tulis oleh perlembagaan ini atau oleh undang2 bertulis atau oleh perator-an meshuarat, suatu salinan rasmi dalam bahasa Inggeris hendaklah di-adakan dan salinan itu mesti-lah di-terima sa-bagai salinan yang sah sama-lah juga dengan salinan rasmi dalam bahasa Melayu.

(5) Dengan tidak menghiraukan cherai-an (1), pada masa lima tahun semenjak perlembagaan ini mula2 di-jalankan, dan juga sa-lepas itu melainkan kalau telah di-batalkan oleh undang2, salinan yang berkuasa bagi:—

(a) Rang undang2 yang hendak di-kemukakan atau pindaan bagi-nya yang hendak di-chadangkan di-dalam Majlis Meshuarat Negeri; (b) Salinan undang2 bertulis dan surat2 perintah, mesti-lah di-chap dalam dua bahasa ia-itu Melayu dan Inggeris; tetapi jika ada waham atau perselisihan antara salinan bahasa Melayu dengan salinan bahasa Inggeris:—

(i) Jika waham atau perselisihan itu mengenai rang undang2, undang2 bertulis atau surat perintah (sa-lain daripada perlembagaan ini atau pemashhoran mengganti Raja

dan melantek Pemangku Raja), maka hendaklah di-pakai salinan bahasa Inggeris;

(ii) Jika waham atau perselisihan itu mengenai perlembagaan ini dan pemashhoran mengganti Raja dan melantek Pemangku Raja, maka hendaklah di-pakai salinan bahasa Melayu.

83. (1) Jika pada fikiran Sultan bahawa ada kejadian yang merbahaya kepada orang ramai yang oleh-nya keselamatan atau kehidupan iktisad negeri, atau mana2 bahagian-nya ada-lah terancam sama ada oleh peperangan atau serangan dari luar atau kekacauan dalam negeri yang sa-benar-nya atau yang di-ancham, maka baginda boleh dengan pemashhoran (sa-lepas ini di-sebut sa-bagai "pemashhoran dharurat") mengishtiharkan keadaan dharurat sama ada bagi seluruh negeri atau dalam bahagian negeri yang di-nyatakan dalam pemashhoran itu.

(2) Pemashhoran dharurat tiada boleh berkuat kuasa lebeh dari dua tahun, tetapi Sultan berkuasa mengeluarkan satu lagi pemashhoran yang sa-demikian apa bila atau sa-belum tamat-nya tempoh itu.....

(3) Apa bila pemashhoran dharurat telah di-buat dan sa-lagi pemashhoran tersebut berkuat kuasa, maka Sultan boleh membuat apa2 perintah pun yang di-fikirkan oleh baginda patut di-buat bagi faedah orang ramai; dan boleh menentukan hukuman2 yang boleh di-letakkan kerana kesalahan melanggar mana2 perintah tersebut, dan boleh membuat undang2 berkenaan dengan perbicharaan oleh mana2 mahkamah akan orang yang melakukan kesalahan tersebut :

Dengan syarat bahawa perintah tersebut tiada boleh membenarkan orang2 itu di-hukum bunuh, penjara atau denda dengan tiada di-bicharakan, dan bahawa kechuali kalau telah di-ubah oleh perintah sa-demikian, peratoran yang ada sekarang dalam perbicharaan jenayah akan di-pakai berkaitan dengan mana2 kesalahan sa-demikian.

(4) Dengan tidak mengurangkan keumuman cherai-an (3), maka perintah2 yang sa-demikian boleh di-buat berkenaan dengan sa-barang perkara yang termasuk di-dalam bilangan perkara2 yang tersebut di-bawah ini, ya'ni:—

(a) Pepereksaan dan kawalan serta penahanan ka-atas cetak menchetak, tulisan2, peta2, pelan2, gambar2, perhubungan2 dan chara2 perhubungan;

(b) Penangkapan, penahanan, tegahan dari memasoki negeri dan pembuangan dari negeri;

(c) Kawalan ka-atas pelabohan2 perayeran2 negeri bagi negeri, dan ka-atas pergerakan perkapalan;

(d) Pengangkutan dengan jalan darat, udara atau ayer, dan kawalan, pengangkutan dan pergerakan orang2, binatang2 dan barang2;

(a) Berdagang, menyimpan, mengeluarkan dari negeri, membawa ka-dalam negeri dan perbuatan barang2;

(f) Perbekalan dan pembahagian makanan, ayer, benda2 yang boleh di-bakar (fuel), api dan lain2 keperluan;

(g) Mengambil, mengawal, merampas dan menjual harta dan pergunaan harta itu;

(h) Memberi kuasa kepada pegawai2 kerajaan dan lain2 orang2;

(i) Mengarah orang2 membuat kerja atau memberi perkhidmatan2;

(j) Mengadakan satu pasokan polis khas;

(k) Menubukan jemaah dan lain2 badan untuk memutuskan sa-barang perkara yang di-nyatakan dalam perintah itu, tetapi tidak mempunyai kuasa menjatuhkan hukuman penjara atau denda;

(l) Mengubah, meminda, mengganti atau menahan semua atau mana2 syarat dari sa-barang undang2 bertulis;

(m) Memasoki ka-dalam dan menyelongkar, bangunan2 atau tempat lain, dan memereksa serta menyual orang2;

(n) Menentukan bayaran.

(5) Dengan tidak menghiraukan sa-barang apa yang terkandung dalam bahagian VIII, maka Sultan boleh dengan perintah sa-demikian, membuat semua peruntukan wang yang di-kehendaki bagi masa dharurat, termasuk peruntukan bagi perkhidmatan awam dan kerana pembayaran ganti rugi bagi pekerjaan yang di-kehendaki dengan paksa di-buat dan bagi harta benda yang di-ambil dengan paksa.

(6) Mana2 perintah yang di-buat di-bawah bab ini hendaklah, melainkan jika lain titah Sultan berjalan kuat kuasa-nya pada hari yang ia-nya di-perbuat.

(7) Mana2 perintah yang di-buat di-bawah bab ini hendaklah, pada persidangan Majlis Meshuarat Negeri yang akan datang, di-bentangkan di-atas meja majlis itu dan Majlis Meshuarat Negeri boleh menetapkan bahawa mana2 perintah yang sa-demikian akan di-mansuhkan sa-kadar dan mulai dari tarikh yang di-sebutkan dalam ketetapan itu; dan pemansohan itu jika ia-nya di-persetujui oleh Sultan berkuat kuasa sama seperti pembatalan undang2 bertulis.

(8) Perintah2 yang sa-demikian hendaklah di-umumkan kepada orang ramai sa-berapa segera yang dapat, dan mana2 pemansohan perintah2 yang tersebut hendaklah di-siarkan sa-demikian juga.

(9) Mana2 perintah yang di-buat di-bawah bab ini, jika pemashhoran dharurat menyatakan terkena kepada sa-bahagian negeri sahaja, ada-lah berkuat kuasa di-dalam bahagian tersebut sahaja :

Tetapi jika pemashhoran dharurat berjalan di-sa-satu bahagian negeri, dan suatu lagi pemashhoran dharurat ada-lah di-buat bagi bahagian yang lain, maka mana2 perintah yang sudah di-buat dan maseh berjalan kuat kuasa-nya apa bila pemashhoran yang kemudian itu berjalan kuat kuasa-nya, akan dengan serta merta berkuat kuasa di-bahagian2 yang di-sebutkan dalam pemashhoran yang kemudian itu.

(10) Tiap2 perintah yang di-buat menurut bab ini, dan tiap2 surat perintah yang di-buat menurut mana2 perintah yang sa-demikian ada-lah berkuat kuasa sungguhpun berlawanan dengan apa yang terkandung dalam perlembagaan ini atau dalam mana2 undang2 bertulis.

84. (1) Kerajaan negeri akan di-jalankan mengikut perlembagaan ini dan bentuk kerajaan itu tiada boleh di-ubah kechuali menurut kuasa yang di-beri oleh bab 85.

(2) Kechuali sa-bagaimana yang tersebut dalam cherai-an (1) dan

kechuali jika ada perselisihan dengan perlembagaan ini, perlembagaan ini tiada boleh di-sifatkan mengurangkan hak dan kuasa kedaulatan Sultan dan supaya jangan waham, maka ada-lah di-ishtiharkan bahawa Sultan ada-lah berkuasa lagi memashhorkan sa-bahagian atau bahagian2 dari perlembagaan ini dari satu masa ka-satu masa kalau di-fikirkan oleh baginda elok di-perbuat demikian.

85. (1) Sultan boleh dengan pemashhoran meminda atau membatalkan mana2 kandungan perlembagaan ini termasuk bab ini dan perlembagaan ini tiada boleh di-pinda sa-chara lain.

(2) Sultan hendaklah berunding dengan Majlis Meshuarat Diraja jika hendak menjalankan kuasa2 yang ada pada-nya oleh kerana bab ini, tetapi dia tidak terwajib mengikut nasihat majlis itu.

(3) Sultan tiada boleh membuat sa-barang pemashhoran meminda atau membatalkan mana2 kandungan perlembagaan ini, melainkan rang-nya itu telah di-persetujui oleh Majlis Meshuarat Negeri dengan ketetapan.

86. (1) Sultan boleh menyusul sa-barang mas'alah berkenaan dengan erti, tafsiran, maana atau kesan dari mana2 kandungan perlembagaan ini kepada mahkamah tafsiran yang di-tubuhkan menurut cherai-an (7) untuk di-putuskan oleh-nya.

(2) Apabila timbul mas'alah yang sa-demikian di-mana2 perbicharaan di-hadapan mahkamah, mana2 pehak perbicharaan itu boleh meminta supaya mahkamah itu mempersembahkan mas'alah tersebut kepada Sultan, dengan permohonan supaya Sultan menyusul mas'alah itu kepada mahkamah tafsiran; dan sa-telah itu mahkamah hendaklah mempersembahkan mas'alah itu kepada Sultan, melainkan jika pada fikiran mahkamah permintaan itu di-perbuat dengan alasan yang tiada menasabah sa-mata2 dengan tujuan hendak mempermainkan atau menyusahkan sahaja mana2 pehak atau jika mas'alah itu telah pun di-putuskan oleh mahkamah tafsiran.

(3) Jika Sultan tidak menyusulkan mas'alah yang di-persembahkan itu kepada mahkamah tafsiran, maka baginda hendaklah menyebabkan mahkamah yang mempersembahkan permohonan itu di-beri tahu dan mahkamah itu hendaklah meneruskan perbicharaan yang di-bicharakan-nya itu.

(4) Keputusan dari kebanyakan ahli mahkamah tafsiran itu di-atas mas'alah yang di-susulkan kapada-nya di-bawah bab ini ada-lah di-sifatkan sa-bagai keputusan sakalian mahkamah itu; dan sa-barang keputusan dari mahkamah itu hendaklah di-tulis dan di-siarkan dalam Warta Kerajaan, dan boleh di-buktikan dalam mahkaman dengan menunjukkan Warta Kerajaan itu.

(5) Jika Sultan menyusulkan mas'alah itu kepada mahkamah tafsiran mengikut persembahan di-bawah cherai-an (2), maka Sultan hendaklah menyebabkan supaya keputusan mahkamah tafsiran itu disampaikan kepada mahkamah yang telah mempersembahkan mas'alah itu dan kalau demikian mahkamah itu boleh-lah memutuskan menurut keadilan perkara perbelanjaan yang terkena oleh kerana penyusulan tersebut.

(6) Keputusan mahkamah tafsiran tentang perkara yang di-susulkan kapada-nya di-bawah bab ini adalah terikat dan mu'tamad di-atas

(Lihat muka 5)

Hikmat bulan Ramadan—puasa bagi kesempurnaan

Puasa sa-bagai satu chara bagi membuktikan keperchayaan yang di-maksudkan untuk meninggikan peribadi menjamin kita hidup dalam aman dan damai antara satu sama lain.

Keperchayaan berpuasa itu bukan-lah khas di-pegang oleh orang2 Islam sahaja. Hampir semua ugama yang besar di-dunia ini telah menetapkan perintah berpuasa tetapi chara2 puasa itu di-amalan ada-lah berbeza antara satu ugama dengan lain.

Akan tetapi dalam Islam berpuasa dalam bulan Ramadan ada-lah di-tetapkan dan di-amalkan dengan chara2 yang terator sa-panjang bulan tersebut dari suboh sa-hingga mata hari jatuh.

PANDUAN AL-KORAN

Al-Koran yang mulia itu memberi panduan kepada manusia supaya mengikut jalan yang betul dan dalam bulan ini-lah buku suchi itu di-turunkan Allah.

Ramadan sa-bagai bulan ulangan turun Al-Koran ada-lah juga di-pilih oleh umat Islam untuk mengadakan majlis2 menguchapkan shukor kepada Allah atas rahmat-nya menurunkan buku suchi itu.

Berpuasa sa-chara Islam bukan-lah hanya menahan diri dari makan dan minum sahaja. Menahan diri dari melakukan perkara2 yang menimbulkan nafsu kehaiwanan ada-lah sangat dipentingkan dalam bulan puasa.

Sa-orang yang berpuasa itu mithal-nya, tidak di-benarkan memandang sa-orang lain dengan niat serong atau maksud hendak menjatuhkan ikhlak-nya.

Demikian juga sa-orang yang

PERLEMBAGAAN NEGERI BRUNEI SA-PENOH-NYA

(Dari muka 4)

orang sakalian dan tiada boleh di-soal dalam mana2 mahkamah pun.

(7) Mahkamah tafsiran hendaklah mengandungi sa-orang pengerusi dan dua ahli lain dan ketiga2 orang itu hendaklah di-lantik oleh Sultan dengan surat perintah yang di-chap dengan Mohor Kerajaan. Pengerusi itu mesti-lah orang yang memegang atau yang telah memegang jawatan hakim tinggi di-mana2 negeri dalam Commonwealth atau pun orang yang telah menjalankan pekerjaan peguam sa-kurang2nya sa-lama sa-puluh tahun di-negeri itu.

(8) Sultan dalam majlis mesuarat boleh dari satu masa ka-satu masa membuat, meminda atau membatalkan atoran2 yang berkaitan dengan peratoran yang mesti diikuti oleh mahkamah tafsiran dalam menyusulkan atau memutuskan masalah2 di-bawah bab ini, dan boleh membuat peratoran2 tentang belanja yang akan di-bayar kepada ahli2 mahkamah itu, dan belanja itu ada-lah di-kenakan bayaran-nya kepada kumpulan wang yang disatukan.

Pada awal bulan Ramadan ini umat Islam di-seluruh Negeri Brunei, malahan di-seluruh dunia telah memegang puasa ia-itu satu dari lima rukun Islam yang wajib di-tunai-kan bagi kesempurnaan keperchayaan umat Islam kepada ugama-nya.

Ramadan ia-lah bulan yang kesembilan dalam tahun Islam dan dalam bulan ini-lah umat Islam di-suruh berpuasa serta membuat kebajikan.

berpuasa itu hendak-lah menahan diri dari berdusta, mengumpat, mengeji dan berdendam atau pun bergaduh.

Sa-balek-nya sa-orang Islam tidak di-kehendki mendengar bahasa2 yang kesat atau menyebut kata2 yang tidak baik dalam bulan puasa.

Sa-orang Islam yang berniat hendak berbuat jahat dalam bulan puasa ada-lah melanggar peratoran berpuasa dan membatalkan puasa-nya.

Dari ini ada-lah nyata bahawa ugama Islam ia-lah ugama yang tegas melarang penganut2-nya menyimpan dendam dan fikiran jahat.

Ugama Islam juga memerlukan penganut2-nya membuktikan segala sifat kebajikan yang suchi murni dan untuk melaksanakan-nya, mereka di-ajar supaya menahan diri dan bersabar.

MENAHAN NAFSU

Mereka juga di-perlukan menahan nafsu dan jangan lekas naik marah.

Perintah berpuasa ada-lah terkandung dalam Koran dengan firman yang bermahana: Puasa itu telah di-wajibkan supaya kamu boleh menentang perkara2 yang hina.

Berpuasa mengikut keperchayaan Islam bukan-nya menyiksa diri atau sa-bagai satu deraan tetapi ia-lah untuk mengajar dan melateh manusia supaya menjauhi diri dari perkara2 yang keji dan chemar.

Puasa juga di-maksudkan untuk menchapai kebahagian hidup dan kesanggupan menguasai diri sendiri.

Sa-lama 11 bulan dalam sa-tahun kita telah minum dan makan beberapa kali sa-hari tetapi sa-lama sa-bulan genap kita mendapat latehan menahan diri menentang nafsu dan kebendak2 kehaiwanan.

Latehan itu ia-lah untuk menambah keazaman kita menchapai kejayaan atas perkara yang suchi.

Puasa juga di-laksanakan untuk meninggikan segala chita2 suchi kita, dan seperti tujuan lain2 rukun Islam puasa ia-lah juga kerana membersehhkan rohani dan menguatkan semangat

untuk mendapat kesempurnaan dalam ugama.

Dari segi ini puasa sudah tentu akan meninggikan ikhlak dan manusia akan berupaya menolak dan menjauhi segala perkara yang keji dan chemar dalam kehidupan-nya.

Dengan berpuasa menurut peratoran Islam manusia akan mengenai dan dapat membezakan baik dengan jahat yang sangat di-keji oleh Tuhan itu.

Sa-orang yang berjaya menjauhan diri-nya dari perkara2 jahat tidak dapat tiada akan berasa gembira dan bershukor atas kejayaan-nya dapat menchapai tujuan yang suchi yang di-maksudkan oleh perintah berpuasa.

Sa-lain dari kesanggupan menguasai diri, puasa ia-lah juga satu chara menambah kesihatan badan yang di-perlukan dalam kehidupan.

Dalam bulan puasa umat Islam dengan sa-boleh2-nya menyediakan sarapan yang di-anggap mewah dan lazat dan sudah tentu makanan dan minuman yang lazat itu akan membuka selira.

Dalam keadaan yang seperti ini sa-orang yang tidak kuat iman-nya akan tergoda akibat kelaparan dan kedahagaan berpuasa.

PERENTAH TUHAN

Tetapi sa-orang Islam yang berpuasa itu tidak akan terpengaruh oleh makanan dan minuman itu kerana ia patoh kepada perintah Tuhan.

Orang itu mengetahui sungguh pun ia boleh makan dan minum di-belakang orang di-dalam sulit di-rumah-nya tetapi ia penoh perchaya bahawa segala niat dan gerak geri-nya sentiasa di-ketahui Allah.

Keperchayaan bahawa Allah sentiasa memerhatikan hamba-nya menjauhan umat Islam dari melanggar rukun2 ugama Islam.

Sa-saorang yang berpuasa itu akan berasa shukor akan nikmat Allah dengan kemurahan-nya mengurniakan ayer dan makanan pada masa berbuka puasa.

Barang2 itu ada-lah yang biasa di-minum dan di-makan tetapi sa-telah berdahaga dan berlapar perasaan bahawa satu2 perkara yang di-anggap sa-bagai biasa sahaja itu akan memberi ma'ana yang lebeh dalam lagi.

Dan lagi dengan berpuasa sa-panjang bulan Ramadan sa-lama hampir 16 jam tiap2 hari orang2 yang kaya akan dapat menginsafi kesusahan saudara2-nya yang miskin yang kadang2 terpaksa mencherut perut untuk menahan kelaparan.

Keinsafan itu sering menimbulkan keazaman hendak membantu mereka yang tidak bernasib baik.

Islam menyedari betapa penting-nya orang2 miskin di-bantu meninggikan taraf kehidupan mereka dan telah menetapkan pembayaran fitrah untuk kebajikan fakir miskin dalam bulan puasa.

Dalam bulan ini-lah juga umat Islam di-galakkan bersedekah dan membuat lain2 kebajikan sehingga mengorbankan harta benda membantu fakir miskin.

Ini bermahana bahawa dalam Islam sa-orang itu hidup untuk membantu sa-orang lain dan maksud ini ada-lah jelas di-buktikan dalam bulan Ramadan.

Bantuan itu di-beri kepada siapa jua dengan tidak mengira bangsa, warna kulit atau ugama.

KECHUALIAN BERPUASA

Dalam hal bantu membantu ini Al-Koran telah menegaskan bahawa manusia itu ada-lah sama sahaja di-pandang Allah kerana mereka itu ada-lah dari satu asal atau keturunan.

Sungguh pun berpuasa itu di-wajibkan tetapi kechualian di-beri kepada mereka yang dalam pengembaraan, orang2 sakit, tua dan kanak2 dan perempuan2 yang hamil, menyusu bayi dan perempuan2 dalam hidz.

Akan tetapi kechualian itu tidak melepaskan mereka dari berpuasa sama sa-kali. Sa-baik sahaja halangan2 itu dapat di-atasi mereka di-wajibkan berpuasa.

Perkara yang membatalkan puasa pula ada-lah banyak. Satengah2-nya ia-lah menderma darah, menchuchokkan ubat kadalam badan, minum ubat, keluar darah menghisap rokok dan lain2.

Apa-kah hukuman yang di-kenakan ka-atas orang2 yang sengaja membatalkan puasa-nya?

Bagi sa-hari puasa di-batalkan sa-saorang itu hendaklah berpuasa 60 hari jika tidak hendaklah memberi sarapan yang baik kepada fakir miskin dua kali sa-hari sa-lama 60 hari.

Kegembiraan yang paling agong kerana berpuasa akan dapat di-saksikan sa-masa berhari raya yang di-tetapkan sa-telah genap berpuasa dalam bulan Ramadan.

Tetapi kegembiraan yang sa-benar-nya hanya dapat di-rasai oleh orang yang berjwiwa suchi yang telah menunaikan perintah berpuasa.

Bulan yang mulia ini sudah tentu akan memberikan keinsafan kepada kita, orang2 Islam untuk beribadat dan membuat kebajikan.

Wanita Brunei mempunyai kemahuan, tetapi

BANDAR BRUNEI. — Soal apa-kah tugas wanita sentiasa diperbincangkan di-negeri ini tetapi seruan2 yang telah di-lemparkan oleh kaum wanita yang telah sedar itu masih tinggal beku sahaja.

Akan tetapi tidak benar jika di-katakan wanita di-negeri ini tidak mempunyai kemahuan.

Sebab2 wanita di-negeri ini belum bergerak dengan chergas ialah kebanyakan dari mereka itu masih berfikir barangkali belum lagi sampai masa-nya untuk mereka keluar ka-tengah gelanggang perjuangan.

Sa-lain dari itu kita di-Negeri Brunei ini belum lagi mempunyai sa-orang wanita yang sanggup memimpin dan mengorbankan masa-nya demi kepentingan ra'ayat seluruh-nya.

...Kesedaran wanita2 di-negeri ini memang sudah ada sa-belum pecah perang dunia yang kedua lagi.

Mereka itu telah menubuhkan satu persatuan wanita. Persatuan itu masih hidup lagi tetapi sekarang tidor kerana kekurangan tenaga yang akan mengendalikan-nya.

Di-masa2 yang akhir ini soal wanita bukan-lah satu soal yang di-rengankan sahaja kerana di-mana2 sahaja kita terdengar seruan2 bergerak dan maju dalam segala lapangan.

Wanita mahu mengikut jejak kaum laki2 dan telah berenang2 meminta hak yang sama dengan kaum laki2.

Wanita tidak boleh menyerahkan nasib-nya kepada gulungan yang lian apa lagi gulung laki2.

Wanita harus membentangkan tulang untuk mendapatkan hak kewanitaan dan bekerja dengan tegas untuk melahirkan wanita2 pergerakan yang benar2 bergerak dengan chergas.

Masa-nya telah sampai pula bagi wanita membentangkan dengan tegas buah fikiran di-mana2 majlis dan perhimpunan dan yang demikian memikul tanggung jawab kerana kepentingan wanita dan negara.

menjadi tuan dapur. Wanita tidak harus lagi hidup dengan berdasarkan pada rumah tangga.

Untuk kemajuan, wanita hendaklah menerjunkan diri dalam ilmu pengetahuan dan turut mengemudikan negara.

Dalam hal ini wanita hendaklah menghidupkan jiwa-nya dalam lapangan kesenian dan kebudayaan.—(M. Samsinah)

Kita tidak mahu lagi kaum wanita itu di-kurung dalam rumah

PERPADUAN PERLU DALAM GERAKAN PERJUANGAN

BANDAR BRUNEI. — Kini telah nyata kepada kita bahawa sa-genap jiwa umat Melayu Brunei sekarang ingin agar mereka bebas dan mendapat kemajuan yang penuh seperti bangsa2 lain di-dunia ini.

Kita sangat berasa bangga atas kezahiran jiwa yang mulia ini dan berharap agar chita2 bangsa Melayu tidak hampa buat sa-lama2-nya.

Persatuan dan perpaduan adalah chara pertama bagi membaiki bukan hanya kepentingan diri sendiri sahaja tetapi ia-lah juga untuk memperbaiki hati, jiwa dan perasaan bersatu.

Untuk menchiptakan perpaduan, perjuangan yang bermacham2 chorak itu ada-lah di-pentingkan.

Umat Melayu sekarang sedang penuh minat-nya dengan perjuangan2 yang akan membawa mereka ka-jalan yang mereka chintai tegas-nya kepada berkerajaan sendiri dengan jalan perlombongan dan bertolak ansor.

Kerana perjuangan ini kita berkehendakkan tenaga yang kuat dan tabah dari pemuda pemudi yang bijak pandai agar

tampil ka-hadapan memimpin bangsa-nya dan mahu berkorban.

Kaum pemudi kita mesti-lah bersimpati dengan kata2: "Tangan yang menghayun buaian itu-lah yang memerintah dunia."

Tetapi mengapa mereka masih tinggal dengan berkhayal dan bahagian dalam apa jua jalan2 yang akan memperbaiki kehidupan bangsa kita bagi masa yang akan datang.

Pemuda pemudi khas-nya hendaklah berbimbing tangan memperjuangkan tujuan yang mulia ini untuk mendapat kehidupan yang bebas.

Chogan kata dalam perjuangan mereka hendaklah "pantang undor sa-belum berbakti." (Mala Mas).

Ertikata perjuangan kerana kemajuan

BANDAR BRUNEI. — Apa-kah yang di-sebutkan jiwa perjuangan itu? Jiwa Perjuangan ia - lah jiwa yang sanggup berkorban untuk kepentingan bangsa dan negara dengan ta' mengenal jerih dan penat dan sanggup menempoh derita.

Sa-suatu negara yang sedang menuju zaman kemajuan dan kemerdekaan adalah sangat2 berharap kepada perjuangan pemuda dan pemudi yang berani mengatasi segala kesukaran.

Perjuangan yang dimaksudkan di-sini bukan-lah berjuang dengan senjata. Yang paling mustahak dalam hal ini ia-lah berjuang dalam lapangan pelajaran dan ilmu pengetahuan.

Mereka yang mempunyai ilmu pengetahuan saharus-nya berkorban memimpin ra'ayat supaya tidak merugikan masyarakat, bangsa dan tanah ayer.

Kerana kemajuan, negara berkehendakkan kerjasma dari pemuda pemudi.

Kaum terpelajar hendaklah memimpin ra'ayat yang berjiwa insaf (AAA).

"Suara Guru" mendukung pendidekan bahasa dan kebudayaan

"SUARA GURU" sa-buah majallah tulisan Rumi yang di-terbitkan atas nama Persekutuan Guru2 Melayu Brunei, bilangan pertamanya telah kita terima. Kita ucapkan terima kaseh atas hadiah itu.

"SUARA GURU" sa-bagai lidah rasmi Persekutuan Guru2 Melayu Brunei, ada-lah majallah kedua yang di-terbitkan di-Brunei.

Majallah yang pertama, "Suara Rakyat" yang di-terbitkan oleh Parti Ra'ayat Brunei sudah

menjadi mendiang.

Memandang isi-nya yang me-

nitek-beratkan hal2 bahasa, pendidekan dan kebudayaan yang di-tulis oleh kaum guru, maka tidak dapat di-sangkal bahawa "Suara Guru" ada-lah sa-buah majallah yang bernilai isi-nya.

Dari segi teknik majallah itu di-dapati baik dan teratur, tetapi terdapat ejaan2 yang salah dan ayat2 yang susah hendak di-fahamkan maksud-nya.

Kesilapan yang terdapat ini diperchayai bukan terbit dari lembaga pengarang-nya. Ada kemungkinan bahawa majallah ini telah di-chetak dengan bergopoh gapah dan kandungan-nya tidak di-semak terlebih dahulu.

Kesilapan tentang ejaan dan ayat2 yang susah hendak di-fahamkan maksud-nya itu, ada-lah suatu faktor yang penting pada sa-suatu penerbitan yang mesti di-jaga dan di-perbaiki.

Untuk menambah perpustakaan bahasa Melayu Suara Guru adalah sa-buah majallah yang bernilai.

Kita ucapkan selamat terbit dan selamat mengunjongi para pembacha-nya pada tiap2 kali keluaran-nya. (AT).



Para peserta wanita dalam perlumbaan jalan kaki sa-jauh 9 batu lebeh berkumpul di-pantai Berakas sa-jurus sa-belum perlumbaan di-jalankan.

SOAS JOHAN PASOKAN2 ENAM SA-BELAH

BANDAR BRUNEI. — Dalam satu perlawanan bola sepak yang hebat antara pasukan2 enam orang SOAS College "A" telah mengalahkan PWD Workshop "A" satu goal kosong di-padang besar di-sini pada hari Rabu lepas.

Gol itu di-dapati sa-telah masa permainan di-lanjutkan.

Workshop "A" ia-lah pemenang piala Tiger yang di-hadiahkan oleh sharikat Borneo Company Limited.

Terdahulu dari itu PWD Workshop "B" telah mengalahkan SOAS College "B" satu gol kosong yang di-sumbatkan oleh Johnny Wong tidak beberapa ketika sa-belum tiupan whistle penamatan permainan.

Sa-patut-nya pasukan Workshop "A" dan "B" itu bertanding dalam semi final untuk merebutkan kejohanan tetapi pasukan "B" telah memberi walkover kepada "A" untuk bertanding dengan SOAS "A" dalam final.

Dalam perlawanan itu kedua2 pasukan telah bermain dengan bersungguh2. Satu pehak tidak

Perlawanan selamat berpisah

SERIA. — Pasokan bola sepak Bandar Brunei telah menang dalam satu perlawanan menentukan kekuatan dengan satu pasukan Kuala Belait di-sini pada hujung minggu lepas.

Pasokan Brunei itu telah menang 4 gol berbalas 3.

Perlawanan itu di-adakan sahara persahabatan sa-bagai mengucapkan selamat berpisah kepada Tuan E. W. Howell, setia usaha Brunei State Amateur Football Association.

Pasokan Brunei itu telah dipilih oleh Tuan Howell sendiri.

Pasokan Belait pula di-pilih oleh Yang di-Pertua B S A F A Tuan J.P. James.

POLIS KALAH DALAM PERLAWANAN KECHEKAPAN MEMANDU KERETA

SERIA — Dalam satu perlawanan kecekapan memandu kereta Brunei State Motor Club telah mengalahkan pasukan Polis bagi tahun kedua berturut2 di-Seria dalam bulan lepas.

Perlawanan itu ia-lah untuk merebutkan sa-buah piala yang telah di-dermakan oleh Polis.

Pasokan BSMC "A" yang telah berjaya itu hanya hilang 900 mata manakala pasukan "B"-nya yang jatuh nombor dua telah hilang 977 mata.

Pasokan Polis "B" yang jatuh nombor tiga hilang 1,022 mata dan pasukan "A"-nya hilang 1,084 mata.

Pasokan yang telah berjaya itu terdiri dari J. J. Altorf, G. Williams dan Yap Shau Leong.

Perbezaan mata kemenangan bagi tahun ini ada-lah sangat sedikit jika di-bandingkan dengan tahun yang lalu.

mahu mengalah kapada pehak yang lain.

Sa-hingga ka-akhir permainan satu gol pun tidak di-dapati sama

Lumba perahu menyambut Hari Raya Puasa

BANDAR BRUNEI. — Perlumbaan perahu kerana bersukaria menyambut Hari Raya Puasa akan di-langsungkan di-Sungai Brunei pada 29 haribulan ini di-bawah anjoran Brunei Rowing Club.

Satu perlumbaan khas akan di-adakan antara pejabat2 kerajaan. Orang2 pelumba dalam perlumbaan ini hendak-lah laki2 sahaja.

Satu lagi syarat bagi perlumbaan khas ini ia-lah jurumudi2 perahu yang mengambil bahagian hendak-lah pegawai2 yang tidak rendah pangkat-nya dari Division III.

Tujuan mengadakan perlumbaan istimewa ini ia-lah untuk meriangkan hati.

Jurumudi2 itu di-harap akan mengemudikan perahu-nya supaya belayar jalan buntu dan berpusing2 menuju ka-tempat perhentian.

Pejabat2 yang tidak chukup kaki tangan untuk mengambil bahagian dalam perlumbaan itu di-benarkan bergabung dengan pejabat2 lain.

Hadiah2 berupa wang tidak diberi tetapi sa-buah piala untuk di-menangi terus ada-lah di-tawarkan.

Pejabat2 yang hendak mengambil bahagian dalam perlumbaan di-minta berhubung dengan Setia Usaha, c/o Pejabat Kastam, Bandar Brunei.

ada oleh SOAS atau Workshop tetapi permainan telah di-lanjutkan sa-lama dua minit dengan kehendak bersama.

Dalam masa lanjutan permainan itu-lah pasukan SOAS mendapat gol yang membawa kemenangan.

Perlawanan itu telah di-adilkan oleh Pengiran Salleh Rajid.

Ingatan ; Perlawanan enam sa-pasokan itu telah menarek 22 pasukan dari daerah Bandar Brunei.

HUKUMAN MELARIKAN CHUKAI

BANDAR BRUNEI. — Stipendiary Magistrate, Tuan R.G.P.N. Combe telah menjatuhkan hukuman denda sa-banyak \$551.10 ka-atas sa-orang China Lim Ting Hock yang telah di-dapati salah melarikan chukai.

Denda itu ia-lah 10 kali ganda banyak-nya dari chukai yang patut di-bayar oleh Lim.

Barang2 yang di-larikan-nya ia-lah 1,240 kotak merchun dan bunga api yang di-taksirkan berharga \$59.70 dan berchukai sa-banyak \$55.11.

Kesalahan itu di-katakan telah di-lakukan pada 18 January 1960 di-tambahan Kastam, Bandar Brunei.

Lim telah di-da'awa oleh Pengeloa Kastam Brunei, Tuan Chua Kwong Soon.

Tuan W.K. Loo dari Jesselton telah membela Lim.

Dalam perbicaraan Lim berkata bahawa ia telah memesan beberapa tin biskut dari Singapura.

Bagaimana merchun dan bunga api itu masuk ka-dalam tin itu tidak di-ketahui-nya.

3 PASOKAN SAMA KUAT DALAM LEAGUE 1

BANDAR BRUNEI. — Siapa-kah yang akan menjadi johan pasukan bola sepak dalam league pertama belum lagi dapat di-tentukan.

Tiga pasukan, ia-itu Polis I, PWD Workshop dan Administration masing2 mendapat sama banyak mata sunggoh pun mereka telah menghabiskan semua perlawanan.

Tetapi johan bagi league kedua telah di-ketahui.

Gelaran ini di-sandang oleh Upper Airport dengan 17 mata dari 10 perlawanan.

Kedudukan pasukan2 dalam league pertama yang telah bermain 8 perlawanan ada-lah seperti berikut :

P.W.D. Workshop, Administration dan Polis I, 12 mata, Education 4 dan BTTC 0

Kedudukan dalam league kedua sa-lepas Upper Airport dan Forelanders ia-lah: Medical, PWD Workshop II, PWD Building dan Polis II.

KBRC TERUS MENDAPAT KEJAYAAN

KUALA BELAIT. — Kuala Belait Recreation Club terus mendapat kejayaan dalam minggu lepas dalam perlawanan bola sepak dengan pasukan Kadazan dengan 3 gol berbalas 2 kerana merebutkan piala Higgins dalam league bahagian pertama.

Dalam perlawanan2 itu pasukan Kadazan maseh belum mendapat satu kemenangan pun.

Sunggoh pun Kadazan kalah tetapi dari segi permainan pasukan itu sama handal-nya dengan KBRC. Kekalahan Kadazan ia-lah di-sebabkan forward2-nya tidak pantas di-hadapan pintu gol.

Dalam perlawanan league bahagian pertama Malay Club telah berjaya mengalahkan pasukan SRC/Panaga sa-banyak 6 gol berbalas 3.

Kedudukan pasukan2 dalam league bahagian pertama ia-lah: KBRC, Malay Club, Polis Club, SRC/Panaga dan Kadazan.

Dalam perlawanan league bahagian kedua PWD (Belait) Sports Club telah mengalahkan pasukan Anthony Abell College 2 gol kosong.

Dalam satu perlawanan lagi dengan pasukan Polis, PWD Sports Club telah menang 8 gol berbalas 1.



Ahli2 pasukan bola sepak PWD Workshop Bandar Brunei bergambar dengan ahli2 pasukan PWD Workshop Kuala Belait sa-belum bermain di-padang besar, Bandar Brunei.

Askar China dudoki lombong2 garam

NEW DELHI — Tentera2 China telah mendudoki lombong2 garam di-Chanthan di-sabelah selatan Kawasan Ladakh, dalam negeri Kashmir, dan telah memukul orang2 Indian yang pergi kasan untuk mengambil garam, demikianlah mengikut satu berita yang telah di-terbitkan oleh suratkhbar, Hindustan Times.

Suratkhbar itu menyatakan bahawa orang2 yang mengambil garam dari lombong2 Chanthan itu tidak di-benarkan masuk ka-lombong2 itu oleh tentera2 China.

Berita itu menambahkata, "Orang2 yang pergi ka-Chanthan untuk mengambil garam telah di-pukul."

Sa-orang juruchakap dari kementrian pertahanan India telah tidak dapat mengesah atau menapikan berita ini dengan serta merta.

Beliau berkata bahawa lombong garam di-Chanthan itu letak-nya betul dalam kawasan India.

Perdana Menteri India, Tuan Nehru, telah memberi tahu Parlemen hari ini bahawa lawatan Tuan Nikita Krushchev baharu2 ini ka-India, tidak-lah kena mengena dengan jemputan India kepada Tuan Chou En-Lai, ketua China Komunis, supaya datang ka-Delhi untuk berunding mengenai perkara perselisihan sempadan India dengan China.

Tuan Nehru berkata bahawa jemputan kepada Tuan Chou telah di-buat sa-belum kedatangan Tuan Krushchev dan dia Tuan Nehru telah mengadakan perundingan yang memakan masa beberapa minit sahaja atas soal sempadan dengan Perdana Menteri Soviet itu.

Chadangan Tuan Nehru kepada Tuan Chou En-Lai telah di-umumkan pada 16 February ia itu hari Tuan Krushchev menamatkan lawatan-nya sa-lama lima hari ka-India.

Dalam surat-nya kepada Tuan Chou, Tuan Nehru menhadangkan supaya Perdana Menteri China datang ka-India dalam bulan hadapan untuk menchari jalan dengan sa-daya upaya supaya perselisihan sempadan itu dapat di-selesaikan dengan aman.

Akhbar2 Indonesia suarakan bantuan daripada Russia

JAKARTA. — Seruan supaya Russia menambah bantuan-nya kepada Indonesia telah di-suarakan oleh dua buah akhbar Indonesia yang berhaluan bebas di-sini.

Seruan itu telah di-buat oleh Berita Indonesia dan Pedoman sa-belum Perdana Menteri Russia, Tuan Nikita Krushchev sampai di-Indonesia.

Berita Indonesia mendesak Indonesia supaya mengambil kesempatan dari lawatan Tuan Krushchev itu dengan menyakinkannya bahawa Indonesia ia-lah sa-buah negara yang kaya dengan bahan2 mentah logam2 dan lain2 hasil bumi.

Harian Pedoman pula berkata Russia tentu sanggup memberi pinjaman yang lebih banyak kepada Indonesia sama ada berupa barang2 dagangan atau pun alat2 untuk kilang.

"Indonesia bebas untuk menerima pinjaman dari Russia, kalau pinjaman tidak terikat kepada sa-barang syarat2 politik dan tidak menambah kuasa sa-tengah2 gulungan dalam negeri yang mempunyai ta'at setia kepada Russia atau China Komunis," kata Pedoman.

Queen lahirkan putera

LONDON — Baginda Queen Elizabeth telah melahirkan sa-orang putera di-Istana Buckingham, London pada 19 February lepas, ia-itu adinda kepada Prince Charles dan Princess Anne.

Kawat2 tahniah telah menchurah datang ka-Istana Buckingham menguchapkan selamat kepada Queen.

da sa-barang syarat2 politik dan tidak menambah kuasa sa-tengah2 gulungan dalam negeri yang mempunyai ta'at setia kepada Russia atau China Komunis," kata Pedoman.

SAUDARA QUEEN MATI DALAM TIDOR DI-BORNEO UTARA

JESSELTON. — Countess Mountbatten, ketua pertubuhan St. John Ambulance Brigade telah meninggal dunia di-sini pada malam Ahad lepas sa-masa ber-kunjong kerana melawat chawangan2 pertubuhan itu di-Borneo Utara.

Countess Mountbatten, berumur 58 tahun, ia-lah saudara kepada Baginda Queen oleh tali perkahwinan. Suami Countess itu Lord Mountbatten ia-lah bapa saudara kepada Duke of Edinburgh, suami Queen.

Countess itu telah sampai di-Jesselton pada hari Khamis untuk ber-kunjong sa-lama tiga hari dalam bidangan kunjongan sa-lama sa-puloh minggu meninjau pasokan2 St. John Ambulance Brigade, hospital2 tentara dan pusat2 kebajikan di-Timor Tengah dan Timor Jauh.

Kematian Countess itu hanya di-ketahui bila sa-orang kaki tangan rumah Pegawai Pentadbir

KERAJAAN PERSEKUTUAN SUSUN UNDANG2 TULISAN RUMI

KUALA LUMPUR. — Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu sekarang sedang menyusun undang2 untuk merasmikan tulisan Rumi sa-bagai tulisan yang utama dalam bahasa kebangsaan.

Rang undang2 itu akan di-bentangkan dalam Dewan Ra'ayat untuk di-luluskan dalam bulan April ini.

Rang undang2 itu juga akan menetapkan:

- ◆ Tulisan Jawi akan terus di-gunakan.
- ◆ Angka2 dari bahasa kebangsaan itu ia-lah angka2 yang di-akui oleh antara bangsa.

Rang undang2 itu di-susun sa-telah di-putusan oleh Dewan Ra'ayat dalam bulan December yang lalu bahawa tulisan Rumi ia-lah tulisan kebangsaan negeri ini.

Dalam persidangan Dewan Ra'ayat ketika itu, wakil tunggal Partai Negara, Dato Onn bin Ja'afar, telah membuat usul bahawa "tulisan bahasa kebangsaan hendak-nya terdiri dari tulisan Jawi sa-rentak dengan tulisan Rumi.

PERSETUJUAN MENENTANG GERAKAN SUBVERSIF DAN PEMERASAN

KUALA LUMPUR. — Selatan Vietnam dan Malaya telah bersetuju untuk menchari jalan bagi faedah2 bekerjasama yang lebih rapat lagi supaya dapat melawan pemerangkapan dan gerakan sabversif komunis.

Ini telah di-umumkan di-dalam satu pengumuman bersama yang di-terbitkan di-Kuala Lumpur baharu2 ini.

Pengumuman itu di-buat satu jam sa-belum Presiden Ngo Dinh Diem dari Vietnam Selatan berangkat dengan kapalterbang ba-lek ka-Saigon, sa-lepas lawatan rasmi-nya sa-lama lima hari ka-Malaya.

Pengumuman itu menyatakan bahawa rundingan yang telah diadakan di-antara Ketua Negara Vietnam dan Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu itu termasuklah masa'alah bekerjasama di-antara kedua2 buah negeri itu.

Lain2 perkara yang di-binchangkan di-perundingan itu ia-

lah berkenaan chadangan2 untuk menambah hasil bumi negara masing2, menguatkan kedudukan harga bahan2 mentah yang mustahak dan memajukan lagi penukaran barang2 di-antara negara2 supaya dapat meninggikan darjah hidup ra'ayat masing2.

Tuntutan Indonesia dapat sokongan Soviet Russia

JAKARTA. — Perdana Menteri Russia, Tuan Nikita Krushchev, dalam satu perjumpaan umum di-Bali dalam lawatan-nya ka-Indonesia berkata bahawa Russia menyokong tuntutan Indonesia di-Irian Barat.

Dalam perjumpaan itu Tuan Khrushchev telah mengecam faham penjajah dan imperialis dan mengingatkan ra'ayat Indonesia bahawa orang2 imperialis tidak akan membiarkan mereka membuat sa-suka hati sendiri.

Beliau telah menyeru ra'ayat Indonesia supaya mempertahankan kemerdekaan Indonesia.

Tuan Khrushchev telah di-iringi oleh Presiden Soekarno dalam lawatan-nya ka-Bali.

Dalam ucapan-nya Presiden Soekarno telah memuji persahabatan di-antara Russia dengan Indonesia dan beliau telah mengulangi sikap-nya yang terdahulu bahawa Indonesia ingin bersahabat dengan siapa jua.

Tetapi mengenai soal Irian Barat beliau berasa bahawa Kerajaan Russia ada-lah lebih ber-simpatik kepada Indonesia daripada negeri2 Barat.

Gabnor seru perpaduan

KUCHING. — Gabnor Sarawak yang baharu Sir Alexander Waddell telah menyeru ra'ayat negeri ini supaya bersatu dan saling percaya memperchayai antara satu sama lain.

Asas yang tegoh untuk mencapai kemajuan abadi dalam lapangan ekonomi, politik dan sosial ia-lah perpaduan antara kaum, kata Sir Alexander.

Beliau telah beruchap dalam satu upacara perlantekan-nya pada hari Thalatha lepas.